



KERATAN AKHBAR

AKHBAR	:	METRO AHAD			
TARIKH	:	28/7/2019	MUKA SURAT	:	23
JABATAN	:	KATS			
KLASIFIKASI	:	PERHATIAN			

ISU PENCEMARAN SUNGAI

ATASI SEGERA SEBELUM KEMARAU

BERNAMA

Banting

Semua kerajaan negeri digesa mengambil serius langkah mengatasi isu pencemaran sungai kerana perubahan cuaca tidak menentu kini memungkinkan negara mengalami musim kemarau berpanjangan pada masa depan.

Menteri Air, Tanah dan Sumber Asli Dr Xavier Jayakumar berkata, ini kerana isu pencemaran sungai bukan perkara baharu, namun jika ia masih tidak diendahkan, negara bakal berhadapan masalah kekurangan sumber air bersih ketika menghadapi musim kemarau.

"Dalam tempoh 10 hingga 15 tahun akan datang, negara mungkin menghadapi musim kemarau yang boleh lebih 60 hari akibat berlakunya perubahan musim cuaca dan kita akan kekurangan sumber air jika isu pencemaran sungai tidak diatasi.

"Sebab itu, penguatkuasaan (dalam isu pencemaran sungai) harus diperkukuhkan dan semua pihak termasuk pihak berkuasa tempatan dan syarikat berkaitan mesti memainkan peranan untuk mengatasi isu ini," katanya selepas merasmikan Kejohanan Olahraga Sekolah-Sekolah Tamil Daerah Klang di Stadium Jugra di sini, semalam.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas mengenai laporan sebuah akhbar tempatan hari ini mengatakan penguatkuasaan terhadap faktor pencemaran sungai di negara ini berada pada tahap lemah.

Memahami tindakan pemuliharaan sungai tercemar pasti mengambil masa lama, Dr Xavier menegaskan, perancangan teliti harus dimulakan segera dengan memberi ke-

utamaan kepada usaha memulihara sungai yang paling tercemar terlebih dulu.

Menurutnya, kempen sayangi sungai yang pernah dilaksanakan sebelum ini juga akan terus dipergiatkan selain memupuk kerjasama dengan semua pihak.

“ Negara mungkin menghadapi musim kemarau Dr Xavier ”

